



D.R. 20 TAHUN 2023

DEWAN RAKYAT PARLIMEN KELIMA BELAS

PENGGAL KEDUA



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS WANITA, KANAK-KANAK
DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT**

**HALATUJU PENUBUHAN SURUHANJAYA KANAK-KANAK DAN
LAPORAN LAWATAN KERJA KE NEW ZEALAND DAN AUSTRALIA**

KANDUNGAN

	<u>Muka Surat</u>
• Kandungan	i
• Lampiran	ii
• Glosari	iii
<u>BAHAGIAN I</u> <i>Pengenalan</i>	
• Jawatankuasa dan Terma Rujukan	1
• Pendekatan Tugas Kerja	3
<u>BAHAGIAN II</u> <i>LATAR BELAKANG HALATUJU PENUBUHAN SURUHANJAYA KANAK-KANAK</i>	
• Latar Belakang Halatuju Penubuhan Suruhanjaya Kanak-Kanak	4
<u>BAHAGIAN III</u> <i>PEMBENTANGAN OLEH PEJABAT PESURUHJAYA KANAK-KANAK</i>	
• Pembentangan oleh Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak	5
<u>BAHAGIAN IV</u> <i>PEMERHATIAN, PENELITIAN DAN SYOR JAWATANKUASA</i>	
• Pemerhatian, Penelitian dan Syor Jawatankuasa	7
<u>BAHAGIAN V</u> <i>RUMUSAN JAWATANKUASA</i>	
• Rumusan Jawatankuasa	8
<u>BAHAGIAN VI</u> <i>PENGHARGAAN</i>	
• Penghargaan	9

LAMPIRAN

Lampiran A : Pembentangan berkenaan halatuju Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak dan Projek Rintis Diversion bagi Kanak-kanak yang Berkonflik dengan Undang-undang di Malaysia

Lampiran B: Laporan lawatan kerja ke New Zealand dan Australia.

GLOSARI

BHEUU	Bahagian Hal Ehwal Undang-undang
DR	Dewan Rakyat
JKPK	Jawatankuasa Pilihan Khas
KBS	Kementerian Belia dan Sukan
KKDW	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
KPN	Kementerian Perpaduan Negara
MJM	Memorandum Jemaah Menteri
NGO	Non-Governmental Organization
OCC	Office of the Children's Commissioner
PAC	Public Accounts Committee
RUU	Rang Undang-Undang
SUHAKAM	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia
SKK	Suruhanjaya Kanak-kanak

BAHAGIAN I

PENGENALAN

Jawatankuasa dan Terma Rujukan

1. Dewan Rakyat pada hari Selasa, 21 Mac 2023 telah meluluskan usul Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) berkenaan penubuhan 10 Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat (JKPK DR). Salah satu JKPK ialah Jawatankuasa Pilihan Khas Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Masyarakat (DR.2 Tahun 2023).
2. Terma rujukan yang telah diluluskan adalah seperti berikut:
 - (a) Tempoh perkhidmatan Jawatankuasa ini berkuat kuasa mulai tarikh perintah Majlis sehingga tamat tempoh Parlimen ke-15 atau sehingga Jawatankuasa ini dibubarkan mengikut perintah Majlis, mengikut mana yang terdahulu.
 - (b) Jawatankuasa ini berfungsi untuk:
 - i. meneliti rang undang-undang yang telah dibawa untuk bacaan pertama di Dewan Rakyat berkaitan dengan hal ehwal wanita, kanak-kanak, belia, orang kurang upaya, orang asli dan pembangunan masyarakat di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Perpaduan Negara dan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah serta agensi-agensi di bawahnya;
 - ii. meneliti usul, rang undang-undang persendirian, petisyen dan laporan yang berkaitan dengan hal ehwal wanita, kanak-kanak, belia, orang kurang upaya, orang asli dan pembangunan masyarakat di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Perpaduan Negara dan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah serta agensi-agensi di bawahnya;
 - iii. menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang berkaitan dengan hal ehwal wanita, kanak-kanak, belia, orang kurang upaya, orang asli dan pembangunan masyarakat di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Perpaduan Negara dan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah serta agensi-agensi di bawahnya; atau
 - iv. melaksanakan apa-apa perkara yang diserahkan kepadanya oleh Menteri atau Majlis.

(c) Apa-apa perkara yang dibincangkan di perenggan (a) tidak boleh melibatkan perkara yang telah, sedang atau akan dibincangkan oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC).

(d) Kuasa Memanggil

Peraturan Mesyuarat 83(2) memperuntukkan kuasa kepada Jawatankuasa ini untuk memanggil mana-mana orang termasuklah orang yang mempunyai kepakaran dan kemahiran hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan dokumen atau maklumat dari satu masa ke satu masa bagi maksud melaksanakan segala fungsinya sebagaimana yang dinyatakan dalam Terma Rujukan di atas.

(e) Penyata Jawatankuasa

Peraturan Mesyuarat 86 memperuntukkan supaya Jawatankuasa ini menyiapkan dan membentangkan penyata Jawatankuasa ini yang mengandungi syor-syor berkaitan dan penyata Jawatankuasa ini hendaklah dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat.

(f) Kuasa Yang di-Pertua Dewan Rakyat

Sekiranya timbul apa-apa perkara berbangkit dalam perjalanan mesyuarat Jawatankuasa ini termasuk perkara berhubung kuasa memanggil orang hadir di hadapan Jawatankuasa ini atau meminta dikeluarkan dokumen atau maklumat yang berkaitan, Yang di-Pertua Dewan Rakyat boleh mengeluarkan apa-apa arahan yang difikirkan wajar dari semasa ke semasa dan arahan Yang di-Pertua Dewan Rakyat tersebut adalah muktamad.

3. Jawatankuasa Pemilihan telah membentangkan penyatannya dan mengemukakan senarai Ahli-Ahli JKPK DR pada hari Khamis, 4 April 2023 (DR.3 Tahun 2023). Ahli-Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Masyarakat terdiri daripada:

- i. Yang Berhormat Puan Yeo Bee Yin
(Ahli Parlimen Puchong merangkap Pengerusi)
- ii. Yang Berhormat Puan Syerleena binti Abdul Rashid
(Ahli Parlimen Bukit Bendera)
- iii. Yang Berhormat Datuk Suhaimi bin Nasir
(Ahli Parlimen Libaran)
- iv. Yang Berhormat Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli
(Ahli Parlimen Batang Lupar)

- v. Yang Berhormat Puan Hajah Rodziah binti Ismail
(Ahli Parlimen Ampang)
- vi. Yang Berhormat Datuk Wetrom bin Bahanda
(Ahli Parlimen Kota Marudu)
- vii. Yang Berhormat Dato' Siti Zailah binti Mohd Yusoff
(Ahli Parlimen Rantau Panjang)
- viii. Yang Berhormat Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawī
(Ahli Parlimen Tumpat)
- ix. Yang Berhormat Dr. Hajah Halimah Ali
(Ahli Parlimen Kapar)

Pendekatan Tugas Kerja

- 4. Jawatankuasa Pilihan Khas Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Masyarakat telah melantik *ex-officio* daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Perpaduan Negara, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah dan Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak (OCC) untuk memberikan nasihat kepada ahli-ahli Jawatankuasa.
- 5. Jawatankuasa ini telah mengadakan 2 mesyuarat dan 1 lawatan kerja seperti yang berikut:
 - (a) Mesyuarat pertama pada hari Khamis, 2 November 2023 telah membincangkan mengenai status terkini dan halatuju penubuhan Suruhjaya Kanak-kanak, SUHAKAM dan Projek Rintis *Diversion* bagi Kanak-Kanak yang Berkonflik dengan Undang-Undang di Malaysia.
 - (b) Lawatan kerja OCC ke Suruhanjaya Kanak-kanak New Zealand (OCC New Zealand) dan Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak Australia (OCC Australia) pada 25 Ogos 2023 – 2 September 2023. Lawatan ini turut disertai oleh 3 orang Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Masyarakat.
 - (c) Mesyuarat kedua pada hari Khamis, 23 November 2023 telah diadakan bagi membincangkan dan memuktamadkan draf penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Masyarakat berkenaan halatuju penubuhan Suruhanjaya Kanak-Kanak dan lawatan kerja ke New Zealand dan Australia.

BAHAGIAN II

LATAR BELAKANG

HALATUJU PENUBUHAN SURUHANJAYA KANAK-KANAK

1. Mesyuarat Jawatankuasa Bilangan 12 Tahun 2023 pada hari Khamis, 2 November 2023, telah diadakan bagi membincangkan status terkini dan halatuju penubuhan Suruhanjaya Kanak-kanak dan Projek Rintis *Diversion* bagi Kanak-Kanak yang Berkonflik dengan Undang-Undang di Malaysia. Pembentangan oleh Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak adalah seperti di **Lampiran A**.
2. Lawatan kerja OCC ke Suruhanjaya Kanak-kanak New Zealand (OCC New Zealand) dan Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak Australia (OCC Australia) telah diadakan pada 25 Ogos 2023 hingga 2 September 2023. Lawatan ini turut dihadiri oleh 3 orang Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Masyarakat, seperti berikut:
 - i. Yang Berhormat Puan Hajah Rodziah binti Ismail (Ahli Parlimen Ampang) merangkap ketua delegasi JKPK;
 - ii. Yang Berhormat Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawi (Ahli Parlimen Tumpat); dan
 - iii. Yang Berhormat Dr. Hajah Halimah Ali (Ahli Parlimen Kapar).
3. Lampiran laporan lawatan kerja adalah seperti di **Lampiran B**.

BAHAGIAN III

PEMBENTANGAN OLEH PEJABAT PESURUHJAYA KANAK-KANAK

Ringkasan pembentangan oleh Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak (OCC) kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Masyarakat berkenaan halatuju penubuhan Suruhanjaya Kanak-Kanak pada mesyuarat Jawatankuasa Bilangan 12 adalah seperti berikut:

1. Selaras dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke-10 pada 18 Januari 2023, kerajaan komited untuk menubuhkan Suruhanjaya Kanak-kanak (SKK) sebagai badan bebas yang dapat memelihara, memperkasa dan memantau hak kanak-kanak di Malaysia.
2. YBrs. Dr. Farah Nini Dusuki dilantik sebagai Pesuruhjaya Kanak-kanak selama 3 tahun, berkuatkuasa 8 Mac 2023 sehingga 7 Mac 2026.
3. Perkembangan penubuhan OCC dari Mac 2023 sehingga September 2023 adalah seperti berikut:
 - i. Kajian perbandingan dengan negara luar yang telah menubuhkan SKK bebas masing-masing termasuk meneliti akta yang ditelah diluluskan di negara tersebut. Antara negara yang telah dikaji ialah India, Indonesia, United Kingdom, Belgium, New Zealand, Australia, Jersey, Malta, Western Cape dan Ireland;
 - ii. Merangka pertimbangan dasar dan parameter bagi penubuhan SKK Malaysia;
 - iii. Mengadakan 6 sesi libat urus bersama agensi kerajaan dan bukan kerajaan bagi mendapatkan maklum balas tentang cadangan dasar tersebut;
 - iv. Menetapkan sebanyak 9 cadangan pertimbangan dasar di dalam kertas Memorandum Jemaah Menteri (MJM);
 - v. Merangka draf Rang Undang-undang Suruhanjaya Kanak-Kanak Malaysia berdasarkan hasil libat urus yang dibuat; dan
 - vi. Mengadakan satu lawatan kerja ke New Zealand dan Australia bersama Jawatankuasa Pilihan Khas Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Masyarakat dan Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU) bagi melihat sistem perlindungan kanak-kanak serta mekanisma SKK dan yang setaraf dengannya di kedua buah negara.
4. Pada 16 September 2023, Kabinet telah memutuskan bahawa cadangan penubuhan SKK ditangguh bagi dikaji lebih lanjut.

5. BHEUU dan OCC telah bersetuju supaya OCC diperkasakan di bawah Akta SUHAKAM yang sedang dipinda dan akan dibentangkan di Parlimen pada November 2023.
6. OCC telah bersetuju dengan syarat-syarat dasar dan mengemukakan beberapa permohonan seperti berikut:
 - i. Pelantikan tambahan Pesuruhjaya Kanak-Kanak (PKK) iaitu sekurang-kurangnya 3 PKK sepenuh masa, dengan seorang ditempatkan di Pejabat SUHAKAM Kuala Lumpur, seorang di pejabat SUHAKAM Sabah, dan seorang di Pejabat SUHAKAM Sarawak;
 - ii. Pelantikan sekurang-kurangnya 20 kakitangan tambahan untuk menangani isu 9.13 juta kanak-kanak di Malaysia;
 - iii. Pembiayaan yang mencukupi iaitu bajet yang dicadangkan sebanyak RM3.2 juta sebagai permulaan kerana kini peruntukan bajet untuk beroperasi adalah sebanyak RM687,857.00 setahun; dan
 - iv. Memperkasa hak kanak-kanak dengan mewujudkan peruntukan khusus di dalam Akta SUHAKAM mengenai hak kanak-kanak kepada penyertaan dan hak kanak-kanak untuk berkomunikasi secara langsung dengan PKK.
7. Dari segi perundangan, perlunya pindaan kepada Akta SUHAKAM bagi mewujudkan peruntukan pelantikan PKK.
8. Struktur asas penubuhan OCC di SUHAKAM bahawa Ketua PKK akan berada di bawah Pengerusi SUHAKAM dan dibantu oleh dua orang PKK.

BAHAGIAN IV

PEMERHATIAN, PENELITIAN DAN SYOR JAWATANKUASA

Setelah mendengar pembentangan oleh Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak, maka Jawatankuasa mengemukakan penemuan dan syor-syor seperti berikut:

1. Jawatankuasa bersetuju dan mengesyorkan Akta SUHAKAM dipinda dengan kadar segera supaya OCC dapat diperkasakan di bawah Akta SUHAKAM.
2. Jawatankuasa bersetuju dan mengesyorkan SKK ditubuhkan secara bebas pada masa akan datang.
3. Jawatankuasa bersetuju dengan pindaan kepada Akta SUHAKAM tentang kewujudan peruntukan PKK.
4. Jawatankuasa bersetuju dengan cadangan OCC berhubung pelantikan 3 PKK sepenuh masa dan ditempatkan masing-masing di Pejabat SUHAKAM Kuala Lumpur, pejabat SUHAKAM Sabah dan Pejabat SUHAKAM Sarawak.
5. Jawatankuasa bersetuju dengan cadangan OCC berhubung pindaan kepada Akta SUHAKAM dengan mewujudkan peruntukan dalam Akta SUHAKAM mengenai hak kanak-kanak kepada penyertaan dan hak kanak-kanak untuk berkomunikasi secara langsung dengan PKK.
6. Jawatankuasa bersetuju dengan cadangan OCC berhubung pelantikan tambahan sekurang-kurangnya 20 kakitangan tambahan untuk menangani isu 9.13 juta kanak-kanak di Malaysia dengan berkesan.
7. Jawatankuasa bersetuju dengan cadangan OCC dan mengesyorkan Kementerian Kewangan untuk memperuntukkan RM3.2 juta kepada OCC sebagai dana permulaan.
8. Sehubungan itu, Jawatankuasa bersetuju dengan semua cadangan OCC dan mengesyorkan agar kewujudan peruntukan PKK dibuat di dalam Akta SUHAKAM dan pindaan Akta SUHAKAM dapat dilaksanakan dengan kadar segera.

BAHAGIAN V

RUMUSAN JAWATANKUASA

Secara keseluruhannya, pindaan Akta SUHAKAM dan penubuhan Suruhanjaya Kanak-kanak (SKK) adalah dua langkah permulaan yang wajar ke arah mengangkat kesejahteraan dan kepentingan kanak-kanak. Dengan itu, semua pihak di Kerajaan Madani perlu memberi komitmen sepenuhnya untuk memastikan Akta SUHAKAM dipinda dengan kadar segera supaya OCC dapat diperkasakan di bawah Akta SUHAKAM dan seterusnya menubuhkan SKK secara bebas pada masa hadapan.

BAHAGIAN VI

PENGHARGAAN

Jawatankuasa merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Masyarakat dan juga kepada Kementerian/jabatan/agensi seperti berikut:

- i. Parlimen Malaysia; dan
- ii. Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak, SUHAKAM

atas sumbangan yang diberikan untuk memastikan fungsi dan peranan Jawatankuasa ini dilaksanakan berlandaskan kepada terma rujukan selaras dengan tujuan penubuhannya.

**LAMPIRAN PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
WANITA, KANAK-KANAK DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT**

**HALATUJU PENUBUHAN SURUHANJAYA KANAK-KANAK DAN
LAWATAN KERJA KE NEW ZEALAND DAN AUSTRALIA**

NO	LAMPIRAN	DRAF KERJA	MUKA SURAT
1	Lampiran A	Pembentangan berkenaan halatuju Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak dan Projek Rintis Diversion bagi Kanak-kanak yang Berkonflik dengan Undang-undang di Malaysia	1
2	Lampiran B	Laporan lawatan kerja ke New Zealand dan Australia.	13

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS HAL EHWAL WANITA DAN KANAK-KANAK
DAN PEMBANGUNAN SOSIAL PARLIMEN KE-15, BIL 12 TAHUN 2023

**PEMBENTANGAN
HALA TUJU OCC & PROGRAM RINTIS DIVERSION
BAGI KANAK-KANAK YANG BERKONFLIK DENGAN
UNDANG-UNDANG**

Oleh
DR FARAH NINI DUSUKI
Pesuruhjaya Kanak-Kanak
Pejabat Pesuruhjaya Kanak-Kanak
SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)
2 NOVEMBER 2023



PEMBENTANGAN PERTAMA

**STATUS TERKINI DAN HALA
TUJU PEJABAT
PESURUHJAYA KANAK-
KANAK**



STATUS TERKINI

Selaras dengan pengumuman Perdana Menteri ke-10 pada 18 Januari 2023 bahawa kerajaan komited untuk menubuhkan Suruhanjaya Kanak-Kanak (SKK) sebagai badan bebas yang dapat memelihara, memperkasa dan memantau hak kanak-kanak di Malaysia, usaha berhubung yang sama telah digerakkan sejurus pelantikan Dr Farah Nini Dusuki pada 10 Mac 2023 (yang berkuatkuasa dari 8 Mac 2023).



Perkembangan Penubuhan OCC: Mac hingga September 2023

OCC telah melaksanakan:

1. **Kajian perbandingan dengan negara luar** yang telah menubuhkan SKK bebas masing-masing termasuk meneliti akta yang ditelaah diluluskan di negara tersebut. Antara negara yang telah dikaji ialah India, Indonesia, United Kingdom, Belgium, New Zealand, Australia, Jersey, Malta, Western Cape dan Ireland;
2. **Merangka pertimbangan dasar dan parameter** bagi penubuhan SKK Malaysia;
3. **Mengadakan 6 sesi libat urus** bersama agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan bagi mendapatkan maklum balas tentang cadangan dasar tersebut.



Perkembangan Penubuhan OCC: Mac hingga September 2023

- 4) Menetapkan sebanyak **sembilan (9) cadangan pertimbangan dasar** di dalam kertas Memorandum Jemaah Menteri;
 - 5) Merangka **deraf Rang Undang-undang Suruhanjaya Kanak-Kanak Malaysia** berdasarkan hasil libat urus yang dibuat;
- dan
- 7) Mengadakan satu **lawatan sambil belajar ke New Zealand dan Australia** bersama JKPK bagi Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Masyarakat, dan BHEUU bagi melihat sistem perlindungan kanak-kanak serta mekanisma Suruhanjaya Kanak-kanak dan yang setaraf dengannya di kedua buah negara.



Perkembangan Penubuhan OCC: 16 September 2023 hingga kini

- Pada 16 September 2023, Mesyuarat Jemaah Menteri telah memutuskan bahawa cadangan penubuhan SKK **ditangguh bagi dikaji lebih lanjut.**
- Bagi memastikan kewujudan OCC kekal secara rasmi, telah dipersetujui antara OCC, BHEUU dan AGC untuk OCC **diperkasakan di bawah Akta SUHAKAM** yang sedang dipinda
- Beberapa siri perbincangan telah dibuat yang memperlihatkan mandat OCC semakin terhad berbanding cadangan asal, berikutan keperluan untuk memastikan pindaan Akta SUHAKAM tetap dapat berlangsung pada November 2023.



OCC bersetuju dengan syarat dasar-dasar berikut dipenuhi:

1. Pelantikan Tambahan Pesuruhjaya Kanak-Kanak:

Sekurang-kurangnya tiga PKK sepenuh masa, dengan seorang ditempatkan di Pejabat SUHAKAM KL, seorang di pejabat SUHAKAM Sabah, dan seorang di Pejabat SUHAKAM Sarawak;

2. Pelantikan Tambahan Kakitangan

Sekurang-kurangnya 20 kakitangan tambahan untuk menangani isu **9.13 juta** kanak-kanak di Malaysia dengan berkesan (data adalah berdasarkan Statistik Kanak-Kanak Malaysia 2023, DOSM);

3. Pembiayaan yang mencukupi

Kira-kira 3.1 juta sebagai permulaan; dan

4. Memperkasa Hak Kanak-kanak kepada Penyertaan

Mewujudkan peruntukan dalam Akta SUHAKAM mengenai hak kanak-kanak kepada penyertaan dan hak kanak-kanak untuk berkomunikasi secara langsung dengan Pesuruhjaya Kanak-kanak.



Dua perkembangan penting terkini:

Perundangan


- Pindaan kepada Akta SUHAKAM berkenaan kewujudan peruntukan Pesuruhjaya Kanak-Kanak **dibentangkan dan diluluskan di Parlimen**

Dana

- Bajet yang dicadangkan sebanyak RM3.1 juta sebagai permulaan **mendapat kelulusan Kementerian Kewangan**



CADANGAN STRUKTUR ORGANISASI OCC DI SUHAKAM



HALA TUJU PEJABAT PESURUHJAYA KANAK-KANAK

PEMERKASAAN HAK KANAK-KANAK

- **Pemetaan** (mapping) agensi, perkhidmatan dan mengenalpasti jurang yang wujud dalam pengendalian isu melibatkan kanak-kanak
- **Mempromosi hak kanak-kanak dan literasi undang-undang** (dewasa & kanak-kanak)
- **Menginstitutusi Latihan Kemahiran** Hak kanak-kanak di kalangan Pemegang Taruh

ISU TEMATIK YANG BERFOKUS

- **Penderaan & pengabaian kanak-kanak**
- **Keselamatan kanak-kanak di jalan raya**
- **Keganasan di institusi pendidikan**
- Akses kepada Pendidikan
- Buruh Kanak-kanak
- Perkahwinan kanak-kanak



Apakah perancangan SUHAKAM untuk memastikan keberkesanan tadbir urus dan business model bagi memastikan SUHAKAM kekal mampan di masa akan datang memandangkan SUHAKAM menerima geran daripada Kerajaan?

- Merujuk kepada Principles relating to the Status of National Institutions (the Paris Principles) – adopted by General Assembly resolution 48/134 pada 20 December 1993 menetapkan SUHAKAM sebagai sebuah Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan hendaklah mempunyai infrastruktur yang sesuai untuk memastikan kelancaran operasi dan aktiviti, khususnya pembiayaan yang mencukupi.
- Tujuan pembiayaan ini adalah untuk membolehkan SUHAKAM mempunyai kakitangan dan premis sendiri, supaya bebas daripada Kerajaan dan tidak tertakluk kepada kawalan kewangan yang mungkin menjejaskan kebebasannya.
- Peruntukan Seksyen 19 Akta 597 dan ketetapan Paris Principles ini adalah untuk menjamin kebebasan SUHAKAM dalam menjalankan mandatnya. Sekiranya SUHAKAM perlu mencari dananya sendiri dikhuatiri akan menjejaskan kebebasan dan keberkesanan SUHAKAM dalam menjalankan mandatnya.



PEMBENTANGAN KEDUA

PROJEK RINTIS DIVERSION BAGI KANAK-KANAK YANG BERKONFLIK DENGAN UNDANG-UNDANG



TAKRIFAN OPERASI

KANAK-KANAK YANG BERKONFLIK DENGAN UNDANG-UNDANG

- 10 hingga 18 tahun
- Terma orang muda/remaja/belia turut digunakan bagi kanak-kanak berusia 14 tahun ke atas

DIVERSION

- **PENGALIHAN** kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang daripada sebarang proses sistem pengadilan jenayah

LATAR BELAKANG PROGRAM DIVERSION & KAJIAN



Mesyuarat Jemaah Menteri pada **11 September 2019** bersetuju dengan cadangan pelaksanaan Projek Rintis Diversion bagi *pesalah kanak-kanak* selama 2 tahun, iaitu bermula tahun 2019 hingga 2021.



Jabatan Peguam Negara juga turut berhasrat supaya projek Diversion ini dilaksanakan secara menyeluruh sebelum tempoh pelaksanaan Projek Rintis ini berakhir.



Kajian pelaksanaan ini juga diperlukan untuk meninjau penerimaan program Diversion oleh kanak-kanak, serta penerimaan dan penglibatan keluarga dan masyarakat.

Penilaian ini juga penting untuk mengenal pasti jurang dalam pelaksanaan sedia ada serta bagaimana pelaksanaan projek rintis ini boleh ditambah baik pada tahun kedua pelaksanaan.

LATAR BELAKANG PROJEK RINTIS DIVERSION



15

AGENSI-AGENSI UTAMA YANG TERLIBAT



Contoh-Contoh Kesalahan Boleh Dialihkan

- Kemudaratan/Kerosakan
- Memandu berbahaya
- Sengaja mengakibatkan kecederaan dan cedera parah
- Serangan
- Kecurian
- Memiliki harta curi
- Pecah rumah
- Mencuri kenderaan bermotor
- Rompakan
- Memiliki dadah
- Seksual - Rogol Statutori bersyarat

Contoh-Contoh Kesalahan Tidak Boleh Dialihkan

- **Kesalahan bunuh**
- Kesalahan keganasan
- Sengaja mengakibatkan kecederaan dengan senjata berbahaya
- Penjualan dan pemerdagangan dadah berbahaya
- Kesalahan di bawah Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat)
- Kesalahan imigresen

PERJALANAN PELAKSANAAN PROJEK RINTIS DIVERSION SETAKAT 31 MAC 2021

KES-KES YANG SUDAH MELALUI DIVERSION

JENIS DIVERSION	AMARAN POLIS	AMARAN KERAS & PROGRAM INTERVENSI	
JENIS-JENIS KESALAHAN	Tidak mempunyai lesen sewajarnya (road tax@memandu), tidak memakai topi@talipinggang keledar, gagal kemukakan Kad Pengenalan	Kesalahan yang layak untuk AP tetapi polis tidak memberi AP atau Kertas Siasatan sudah dibuka/boleh didenda sahaja/dengan pemenjaraan minima tidak lebih setahun/dihukum dengan denda & penjara < 14 tahun, kecuali kesalahan imigresen; rogol statutori di mana kedua-dua suspek dan mangsa adalah kanak-kanak, usia berdekatan and dengan keizinan (suka sama suka)	
AGENSI TERLIBAT DALAM PROSES	PDRM sahaja	PDRM → TPR → {{{ PDRM → JKM → PDRM → TPR }}} → PDRM	PDRM → TPR → PDRM → JKM → PDRM → TPR → JKM
AGENSI MEMBERI/MENJALANKAN	PDRM	PDRM	JKM (PEGAWAI AKHLAK)
JUMLAH KES SETAKAT 31 MAC 2021	519	SEPANG : 8 (data setakat 31 Mei 2021) SEREMBAN : 0 PORT DICKSON : 1 (data setakat 31 MEI 2021)	SEPANG : 5 (selesai) SEREMBAN : 2 (masih berjalan) PORT DICKSON : 1 (masih berjalan)

18

PENANDAARASAN AMALAN DIVERSION


-  Salah satu negara 'pioneering' bagi pengadilan restoratif
-  Mempunyai perundangan & amalan yang jelas & teratur
-  Asal sistem perundangan Malaysia
-  Negara jiran yang mempunyai asas budaya yang sama
-  Negara jiran terawal menggunakan Diversion tanpa sebarang perundangan

19

PENERIMAAN AGENSI-AGENSI TERLIBAT TERHADAP PROGRAM DIVERSION (Secara Umum)

JENIS PROGRAM DIVERSION	AMARAN POLIS	AMARAN KERAS	PROGRAM INTERVESI	
PDRM	TRAFIK & JPJ/KK Tindakan tidak berkesan dengan prasarana yang terhad yang ada – tiada sistem pemantauan bagi mengenalpasti kes berulang (pihak pegawai mencadangkan satu APPs dibina bagi tujuan ini).	TRAFIK Setuju bagi kesalahan seperti memandu dengan merbahaya (khususnya, 'wheelie') atau salahmilik kenderaan. NARKOTIK Tidak bersetuju Program Diversion bagi kes-kes narkotik yang memerlukan intervensi khusus. JENAYAH Tidak bersetuju kerana merasakan Program Diversion tidak setimpal dengan tatakerta yang mereka telah lakukan serta tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.		
TPR	Tidak berkenaan	Bersetuju sekiranya Laporan Penilaian Berisiko memihak kepada kanak-kanak (risiko rendah→sederhana) atas dasar memberi peluang kedua kepada kanak-kanak serta menjaga kebajikan kanak-kanak		
JKM	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan	Bersetuju atas dasar kanak-kanak berpotensi untuk berubah sekiranya risiko tidak tinggi (contoh 5 kes di Sepang dan 1 kes yang sedang berjalan di PD)	

20



Kesimpulan

- Program rintis Diversion telah **mengorak langkah yang ketara untuk memajukan hak dan kepentingan terbaik** kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang melalui pembinaan kapasiti dan SOP mengenai Diversion.
- Program rintis Diversion **mengadakan peluang-peluang kepada rakan pelaksana** untuk belajar, mengambil bahagian dan menyumbang dalam pelbagai bidang proses Diversion yang sebelum ini bukan sebahagian daripada tanggungjawab mereka.
- Walaupun relevan, **program rintis tidak mempertimbangkan sepenuhnya unsur budaya dan sosial yang saling berkaitan** yang diperlukan untuk mengubah sikap tentang sebab-sebab Diversion merupakan pilihan yang lebih baik untuk kanak-kanak daripada memasuki sistem keadilan jenayah.
- Terdapat sokongan yang tinggi di kalangan responden untuk peningkatan skala program rintis Diversion. Walau bagaimanapun, bukti tidak mencadangkan persetujuan bagi peningkatan di peringkat kebangsaan. Sebaliknya, proses peluasan yang dilakukan secara berperingkat dan secara beransur-ansur mengikut negeri, dan daerah, harus diutamakan.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH : OCC



OCC.OFFICIAL.MY
OCCSUHAKAM



Pejabat Pesuruhjaya Kanak-Kanak
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia
Malaysia (SUHAKAM)
Tingkat 11, Menara TH Perdana,
1001, Jalan Sultan Ismail 50250,
Kuala Lumpur

occ@suhakam.org.my



PARLIMEN MALAYSIA

**LAPORAN LAWATAN KERJA
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
WANITA, KANAK-KANAK DAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT PARLIMEN KELIMA BELAS
KE NEW ZEALAND DAN AUSTRALIA,
25 OGOS - 2 SEPTEMBER 2023**

1. Latar Belakang

Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Masyarakat telah mengadakan lawatan kerja ke Wellington, New Zealand dan Sydney, Australia pada 25 Ogos 2023 sehingga 2 September 2023 anjuran Pejabat Suruhanjaya Kanak-Kanak (OCC), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). Lawatan kerja ini diketuai oleh Yang Berhormat Puan Hajah Rodziah binti Ismail (Ahli Parlimen Ampang) dan turut dihadiri oleh ahli Jawatankuasa lain iaitu Yang Berhormat Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawi (Ahli Parlimen Tumpat) dan Yang Berhormat Dr. Hajah Halimah binti Ali (Ahli Parlimen Kapar) bersama seorang setiausaha delegasi Parlimen Malaysia. Lawatan ini turut melibatkan wakil daripada Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi).

2. Objektif

Lawatan kerja ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada Jawatankuasa ini untuk mempelajari dan mengetahui dengan lebih mendalam bagi Penubuhan Suruhanjaya Kanak-Kanak yang bebas selaras dengan usaha yang dijalankan oleh Kerajaan bersama OCC bagi merangka Rang Undang-Undang (RUU) Suruhanjaya Kanak-Kanak. Keperluan penubuhan Suruhanjaya Kanak-Kanak yang bebas adalah untuk memperkasakan hak kanak-kanak dan melindungi mereka dengan lebih baik dan berkesan. Sehubungan itu, lawatan kerja ni lebih berfokus kepada isu kanak-kanak dan orang muda.

Selain itu, lawatan kerja ini turut memfokuskan untuk mempelajari bagaimana skop kerja dan *Ombudsman* berfungsi di New Zealand dan Australia selaras dengan cadangan pembentangan RUU *Ombudsman* di Malaysia yang dijangka berlaku pada Oktober 2023 ini.

3. Senarai Delegasi

PARLIMEN MALAYSIA

1. Yang Berhormat Puan Hajah Rodziah binti Ismail
Ahli Parlimen Ampang
2. Yang Berhormat Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawī
Ahli Parlimen Tumpat
3. Yang Berhormat Dr. Hajah Halimah binti Ali
Ahli Parlimen Kapar
4. Puan Nur Farah binti Dzulkiffli
Setiausaha Delegasi

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU)

5. Encik Azril bin Wanchik
Ketua Penolong Pengarah, Seksyen Dasar dan Penyelidikan, BHEUU

PEJABAT PESURUHJAYA KANAK-KANAK (OCC) SUHAKAM

6. Dr. Farah Nini binti Dusuki
Pesuruhjaya Kanak-Kanak, OCC SUHAKAM
7. Puan Izyan Hazwani binti Ahmad
Ketua Penolong Setiausaha, OCC SUHAKAM
8. Encik Mohd Tan'im bin Tajuddin
Penolong Setiausaha, OCC SUHAKAM
9. Cik Nur Sufyah binti Muhammad
Penolong Setiausaha, OCC SUHAKAM
10. Cik Lee Shok Yan
Penolong Setiausaha, OCC SUHAKAM

4. Laporan Program

Laporan ini terbahagi kepada tiga bahagian utama seperti yang berikut:

Bahagian A: Pemerhatian di New Zealand

Bahagian B: Pemerhatian di Australia

Bahagian C: Kajian perbandingan di antara New Zealand dan Australia

4.1 BAHAGIAN A: PEMERHATIAN DI NEW ZEALAND

a) Lawatan ke *Children & Young People's Commission (Mana Mokopuna)*

Mana Mokopuna ditadbir oleh enam pesuruhjaya yang diketuai oleh Pesuruhjaya Kanak-Kanak, Judge Frances Eiver. Ia memperjuangkan agar hak kanak-kanak diiktiraf dan ditegakkan dengan cara memberi bimbingan kepada Kerajaan dan agensi-agensi lain. *Mana Mokopuna* juga memperjuangkan perubahan di peringkat sistem, memastikan suara kanak-kanak didengari dalam keputusan yang memberi kesan kepada mereka dan melakukan pemantauan. Di dalam konteks pemantauan ini, mereka melawat tempat kanak-kanak yang ditahan untuk memastikan kanak-kanak tersebut dilayan dengan bermaruah dan dihormati di bawah *Crimes of Torture Act* (1989). Di bawah undang-undang tersebut *Mana Mokopuna* adalah sebuah *National Preventative Mechanism* dimana mereka memeriksa keadaan dan layanan terhadap kanak-kanak, mengenal pasti dan menambahbaik masalah yang perlu ditangani, membuat cadangan untuk mengukuhkan perlindungan serta mencegah perlakuan atau layanan buruk terhadap kanak-kanak.

Dibawah *Oversight Authority Act 2023*, peranan berasingan dalam pengawasan sistem Oranga Tamariki adalah bagi tujuan berikut:

- i. Menyokong kepentingan, hak dan kesejahteraan kanak-kanak di dalam sistem Oranga Tamariki, dan jika perlu membantu golongan muda (*mokopuna*) dan keluarga (*whanau*) dengan menavigasi sistem untuk mereka menyelesaikan masalah. Ini adalah peranan *Children's and Young Commission*;
- ii. memantau sistem prestasi termasuk mengenalpasti bidang yang memerlukan penambahbaikan. Laporan pemantauan akan digunakan oleh orang lain bagi menyokong perubahan sistem. Pemantauan ini merangkumi pematuhan, kualiti amalan dan hasil. Ini adalah peranan *Independent Children's Monitor*; dan

- iii. menyiasat dan memantau isu serius dan penting di dalam sistem serta mengendalikan aduan mengenai Oranga Tamariki (*Ministry of Children*) dan penjaganya adalah di bawah peranan *Ombudsman*.



Delegasi disambut dengan mihi whakatau iaitu upacara tradisional masyarakat Maori menyambut tetamu

b) Lawatan ke *Ministry for Children (Oranga Tamariki)* and *Ministry of Social Development*

Oranga Tamariki telah ditubuhkan pada tahun 2017. Ia adalah Kementerian Kerajaan yang bertanggungjawab terhadap kesejahteraan kanak-kanak khususnya kanak-kanak yang terdedah kepada kemudaratan, pesalah muda dan kanak-kanak di bawah jagaan Kerajaan serta perkhidmatan pengangkatan anak. Selain itu, ia bertindak sebagai agensi utama yang bertanggungjawab terhadap kebajikan kanak-kanak yang memerlukan penjagaan alternatif dan berada di pusat perlindungan di bawah kelolaan Kerajaan dan bukan Kerajaan.

Kementerian ini juga bertanggungjawab di dalam pelaksanaan *Family Group Conferences* (FGCs) iaitu membantu kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan juga kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang. Bagi kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang, mereka akan dibantu oleh *Youth Justice Coordinator* iaitu seorang pegawai pekerja sosial yang menentukan hala tuju sesebuah FGCs yang telah diadakan.



Mesyuarat ini turut dihadiri oleh Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di New Zealand, Puan Mazita Marzuki



c) Perjumpaan bersama Judge Ida Malosi, *Principal Youth Court Judge*.

Di New Zealand, Mahkamah Belia (*Youth Court*) adalah untuk kanak-kanak (10-13 tahun) dan orang muda (14-17 tahun). Golongan ini akan di caj dan dikira di bawah statistik kanak-kanak dan orang muda, tidak termasuk di dalam statistik orang dewasa. Selaras dengan perubahan sistem ini, kesalahan jenayah trafik kecil tidak boleh dikenakan hukuman penjara. Kanak-kanak dan orang muda yang didakwa melakukan kesalahan akan dihadapkan ke Mahkamah Belia. Namun jika kesalahan itu serius dan dinyatakan di dalam Jadual 1A Akta Oranga Tamariki 1989, mereka secara automatik akan dipindahkan ke Mahkamah Daerah atau Mahkamah Tinggi.

Menurut Akta Kanak-Kanak, Orang Muda dan Keluarga 1989 (Seksyen 8), prosiding jenayah tidak boleh dikenakan terhadap kanak-kanak dan orang muda jika terdapat pendekatan alternatif yang boleh dilaksanakan terhadapnya. Semua kanak-kanak dan orang muda berhak diberi pendekatan yang berbeza daripada orang dewasa apabila mereka terlibat dengan perlakuan jenayah melainkan kesalahan bunuh dan menyebabkan kematian.

Di samping itu, kanak-kanak hanya akan dibawa ke Mahkamah Belia sekiranya segala langkah pengalihan (*diversion*) yang dilakukan oleh *Youth Aid Officer* tidak berjaya. Antara Langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- i. Amaran – Amaran ini akan dibuat secara lisan dan bertulis dan salinan akan diserahkan kepada ibu bapa atau penjaga (tanpa melibatkan pihak sekolah);
- ii. akauntabiliti – Pesalah perlu memohon maaf kepada mangsa, menulis esei, melakukan projek-projek yang ditentukan serta membuat aktiviti-aktiviti khidmat Masyarakat; dan
- iii. pemulihan atau rehabilitasi – Langkah ini adalah bergantung kepada keperluan khusus pesalah tersebut yang memerlukan rehabilitasi seperti kes dadah, kaunseling dan sebagainya.

Apabila di bawa ke mahkamah, kanak-kanak dan orang muda yang didakwa akan di beri penerangan pertuduhan terhadapnya dan mereka perlu memilih “*deny*” atau “*not deny*.” Mahkamah menggunakan pendekatan yang bersifat lebih lembut dalam penggunaan bahasa supaya pihak yang didakwa tidak merasa terbebani dan tidak selesa. Jika mereka yang didakwa memilih “*not deny*”, mereka akan di rujuk ke *Family Group Conference* (FGC).

FGC merupakan sebuah pendekatan secara muafakat di antara semua pihak yang mempunyai talian persaudaraan dengan kanak-kanak tersebut seperti ibu bapa, guru sekolah, pegawai YAD dan mana-mana orang yang terlibat seperti mangsa. FGC bertujuan untuk memberi peluang kepada semua pihak yang terlibat (kanak-kanak/orang muda, whanau (keluarga luas), mangsa dan para professional) untuk mencari jalan penyelesaian apabila kanak-kanak/orang muda sudah melakukan kesalahan serta mengurangkan memudaratkan yang sudah berlaku (*reparation of harm*). Ini kerana, sesuatu kesalahan yang dilakukan oleh kanak-kanak atau orang muda mungkin berpunca dari keadaan sekeliling yang memaksa atau tidak harmoni lantas menjerumuskan mangsa kepada kesalahan jenayah.



Dari kiri: Judge Ida Malosi, Dr. Farah Nini (Pesuruhjaya Kanak-Kanak, OCC SUHAKAM) dan TYT Puan Mazita Marzuki, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di New Zealand

d) Lawatan ke *Youth Aid Division, New Zealand Police Prosecution Service National Office*

Youth Aid Division (YAD) adalah satu unit khas dalam pasukan polis yang mengendalikan kanak-kanak dan orang muda di bawah umur 18 tahun yang berkonflik dengan undang-undang. YAD telah ditubuhkan sejak tahun 1989 dan merupakan salah satu hasil daripada Laporan *Daybreak* yang telah mendedahkan keperluan kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang untuk diberi pendekatan yang berbeza dengan menekankan kepada '*NEED*' & '*DEED*' seseorang kanak-kanak tersebut.


Mana-mana pegawai polis yang menyertai pasukan polis boleh membuat permohonan untuk menjadi seorang *Youth Aid Officer* (YAO) dan mereka wajib menjalani kursus khas selama 2 tahun diikuti dengan setahun tempoh pemerhatian. Asas kepada pendekatan ini adalah pengiktirafan bahawa menjadi kelaziman bagi kanak-kanak membuat kesilapan dan ini merupakan asas untuk perkembangan mereka.

Terdapat beberapa proses yang perlu dilalui apabila kanak-kanak terlibat dengan perlakuan jenayah. Seorang YAO akan membuat penilaian tentang keperluan kanak-kanak tersebut berasaskan kesalahan yang dilakukan dan keperluan kanak-kanak secara khusus disusuli tiga langkah yang akan diambil seperti dinyatakan di atas iaitu memberi amaran, akauntabiliti dan pemulihan atau rehabilitasi. Sekiranya semua langkah ini tidak bersesuaian atau kanak-kanak tersebut mengingkari sebarang langkah alternatif yang diambil, kanak-kanak tersebut akan di bawa ke Mahkamah Belia untuk dituduh. Hanya 5-10% kes sahaja yang akan dituduh di mahkamah dan jika kesalahan diperakui (not deny), kanak-kanak tersebut akan dialihkan ke Family Group Conference di bawah Kementerian Pembangunan Sosial.



e) Lawatan ke Parlimen New Zealand

Delegasi berpeluang untuk membuat lawatan ke Parlimen New Zealand semasa sesi persidangan sedang dijalankan. Selain itu, delegasi juga telah melawat perpustakaan yang berada di dalam Parlimen tersebut. Delegasi telah diberi penghormatan untuk duduk di galeri *Speaker*. Berikut merupakan gambar-gambar delegasi Malaysia semasa *Speaker* mengalu-alukan kedatangan delegasi Jawatankuasa Pilihan Khas Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Masyarakat bersama wakil Suruhanjaya Tinggi Malaysia, OCC dan BHEUU disertai tepukan gemuruh daripada Ahli-Ahli Parlimen New Zealand.



f) Lawatan ke *Ombudsman* New Zealand

Delegasi telah bertemu Peter Boshier, *Chief Ombudsman* dan beberapa rakan sekerja lain. *Ombudsman* adalah perkataan yang berasal dari Sweden yang membawa maksud “orang yang merungut atau mengadu”. *Ombudsman* adalah seorang Pegawai Parlimen yang bebas iaitu bukan sebahagian daripada Kerajaan. *Ombudsman* dilantik oleh Parlimen untuk menyiasat aduan mengenai agensi-agensi di sektor awam. Kakitangan *Ombudsman* juga bukan seorang penjawat awam dan bebas daripada Kerajaan. *Ombudsman* mempunyai kuasa untuk menyiasat lebih kurang 4000 agensi di sektor awam.. Tugas *Ombudsman* adalah mengendalikan aduan, menjalankan penyiasatan dan pemeriksaan serta menggalakkan pentadbiran yang baik. *Ombudsman* adalah bebas dan tidak berat sebelah. Slogan bagi *Ombudsman* adalah “*Fairness to All*”.

Apabila *Ombudsman* menerima aduan yang kebiasaannya secara bertulis atau melalui panggilan telefon, *Ombudsman* mempunyai kuasa untuk memasuki premis Kerajaan, meminta untuk dikemukakan maklumat dan dokumen, memanggil saksi serta memeriksa mereka dengan bersumpah. Di samping itu, jika siasatan diperlukan, *Ombudsman* akan menghantar surat kepada Ketua Eksekutif agensi yang terlibat bagi menerangkan aduan ke atas agensi mereka, mengapa pengadu tidak berpuas hati dan mengapa *Ombudsman* memutuskan untuk menjalankan siasatan. Pemberitahuan ini penting supaya pihak yang terjejas mempunyai peluang untuk menjawab atau memberi ulasan lanjut sebelum *Ombudsman* memutuskan keputusan yang muktamad. Namun begitu, kebanyakan aduan berjaya diselesaikan dengan segera dan secara tidak formal.

Disamping itu, *Ombudsman* bukan sahaja menyiasat aduan terhadap agensi Kerajaan malah turut melibatkan perkara seperti berikut:

- i. Kanak-kanak dalam jagaan;
- ii. kesalahan serius di tempat kerja (pendedahan dilindungi);
- iii. memantau pusat-pusat tahanan;
- iv. memantau penjagaan warga emas;
- v. layanan adil bagi orang kurang upaya; dan
- vi. memantau kemudahan pengasingan pesakit Covid-19.

Bermula pada 1 Mei 2023, Ketua *Ombudsman* akan menyelia kerja petugas penjagaan dan pengurusan di dalam sistem *Oranga Tamariki* (Kementerian Kanak-Kanak) yang sebelum ini adalah di bawah tanggungjawab Pesuruhjaya Kanak-Kanak.

Bahagian yang mengendalikan kanak-kanak dan orang muda melakukan pelbagai cara dalam usaha untuk memberitahu kanak-kanak dan orang muda bahawa mereka bebas untuk melakukan aduan terhadap sebarang ketidakadilan yang melibatkan mereka.



Mesyuarat dipengerusikan oleh Peter Boshier, *Chief Ombudsman*

4.2 BAHAGIAN B: PEMERHATIAN DI AUSTRALIA

a) Lawatan ke Australian Human Rights Commission (AHRC)

- i. Mesyuarat bersama Dr. Susan Nicholson, *Director of Children's Rights*.

Kebanyakan kanak-kanak dan orang muda di Australia membesar dalam persekitaran yang selamat, sihat dan positif. Namun selepas 25 tahun Australia meratifikasi Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak (CRC), kumpulan kanak-kanak dan orang muda di Australia terdedah kepada kekurangan perlindungan hak asasi manusia yang mencukupi.

Kanak-kanak yang mengalami masalah kehilangan tempat tinggal atau kesihatan mental, kanak-kanak kurang upaya, kanak-kanak dalam tahanan imigrasi dan kanak-kanak Orang Asli berisiko untuk terjerumus ke dalam jurang jenayah. Selain itu, kanak-kanak dan orang muda jarang diberi peluang untuk mereka bersuara bagi menentukan keputusan yang memberi kesan kepada mereka.

Oleh itu, AHRC telah melaksanakan beberapa projek utama untuk menarik perhatian masyarakat terhadap cabaran hak asasi manusia yang serius yang dihadapi oleh kumpulan kanak-kanak yang terdedah. Antara tugas-tugas Pesuruhjaya Kanak-kanak Kebangsaan adalah seperti berikut:

- a. Menyokong secara nasional untuk hak dan kepentingan kanak-kanak dan orang muda. Ini termasuk semua kanak-kanak dan orang muda sehingga umur 18 tahun;
- b. menggalakkan penyertaan kanak-kanak dalam keputusan yang memberi kesan kepada mereka;
- c. menyediakan kepimpinan nasional dan penyelarasan mengenai isu hak kanak-kanak;
- d. menggalakkan kesedaran dan menghormati hak kanak-kanak dan orang muda di Australia;
- e. menjalankan penyelidikan tentang hak kanak-kanak; dan
- f. melihat undang-undang, dasar dan program untuk memastikan ia melindungi dan menegakkan hak kanak-kanak dan golongan muda.

Menurut Dr. Susan, terdapat dua kekangan utama bagi mereka menjalankan tugas iaitu kurang peruntukan bagi menjaga hal ehwal seluruh rakyat Australia dan kakitangan serta kesukaran untuk memantau perjalanan kerja kesemua badan-badan berkanun

yang menjaga hal ehwal kanak-kanak di setiap negeri di Australia. Ini kerana tidak ada satu mekanisma yang bersifat komprehensif dan holistik yang mampu membuat penyelarasan dengan lebih berkesan.

- ii. Mesyuarat bersama June Oscar AO, *Aboriginal and Torres Strait Islander Social Justice Commissioner*.

Pada 2017, June Oscar telah memulakan penggal 5 tahunnya sebagai *Aboriginal and Torres Strait Islander Social Justice Commissioner*. Beliau tegar memperjuangkan isu berkenaan hak orang asal, bahasa orang asal, isu berkaitan wanita, kanak-kanak dan sebagainya. AHRC berusaha untuk memastikan kerajaan, sektor swasta dan masyarakat sivil mengiktiraf dan melaksanakan hak orang Asli dan Penduduk Pulau Selat Torres untuk menentukan nasib sendiri, penyertaan dalam membuat keputusan, menghormati, melindungi budaya dan kesaksamaan tanpa diskriminasi.

Beliau turut menyentuh aspek pendidikan kanak-kanak. Di dalam perjuangan beliau tentang hak kanak-kanak orang asal kepada pendidikan, beliau menekankan tentang pentingnya mengingati prinsip *Whose Education, What Education* di dalam merangka kurikulum kepada kanak-kanak orang asal ini supaya pendidikan yang diberikan menjadi bermakna kepada kanak-kanak.

Di samping itu, di dalam aspek perkahwinan kanak-kanak bawah umur dalam kalangan orang asal turut disentuh, iaitu kanak-kanak orang asal dibenarkan berkahwin apabila sudah mencapai akil baligh. Namun begitu, kanak-kanak ini akan diberikan pendidikan mengenai hak dan badan mereka sendiri sebelum melangkah ke alam perkahwinan.



Delegasi Parlimen bersama Dr. Susan Nicholson, Director of Children's Rights. (dua dari kanan)



Ahli Jawatankuasa bersama June Oscar AO, Aboriginal and Torres Strait Islander Social Justice Commissioner

b) Lawatan ke *Australian eSafety Commission*

Pada pertemuan ini, delegasi disambut oleh Mr. Toby Dagg, *General Manager of Regulatory Operational Group*. Suruhanjaya eSafety merupakan pengawal selia bebas bagi memantau keselamatan dalam talian di Australia dan diketuai oleh Julie Inman Grant selaku *Australian eSafety Commission*. Suruhanjaya ini merupakan sebuah agensi kerajaan pertama di dunia khusus bagi memastikan orang ramai lebih selamat di alam maya. eSafety mendidik warga Australia berkenaan risiko keselamatan dalam talian dan membantu menghapuskan kandungan bahaya seperti jenayah buli siber dalam kalangan kanak-kanak, penderaan siber dewasa, dan imej atau video intim yang dikongsi ke alam maya tanpa kebenaran. eSafety menjalankan tugasnya dalam memupuk keselamatan di dalam talian di bawah punca kuasa *Online Safety Act 2021*. Peranan Suruhanjaya amat penting di dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak di alam maya terjamin. Suruhanjaya turut terlibat di dalam mengeluarkan polisi tentang penggunaan peralatan digital dan perkhidmatan maya bagi pelajar di kesemua sekolah di New South Wales (NSW) pada tahun 2020.

Di dalam perbincangan tersebut, delegasi turut dimaklumkan bahawa Suruhanjaya mempunyai bajet sebanyak 45 juta setahun dan antara agensi yang mempunyai tenaga kerja yang ramai iaitu terdapat sekumpulan 45 penyiasat secara maya. Sekiranya terdapat aduan kepada Suruhanjaya mengenai kandungan media sosial yang tidak wajar, penyiasat boleh mengarahkan sama ada medan sosial media atau ISP (*Internet Service Provider*) untuk menurunkan muatnaik tersebut. Kes sebegini merangkumi kadar sukses lebih 95%. Jika sesuatu kesalahan dibuat terhadap kanak-kanak terjumlah kepada suatu kesalahan jenayah, pihak eSafety akan memajukan kes kepada pegawai di *Australian Child Exploitation (ACE)* yang merupakan satu bahagian di bawah polis Australia. Jika kanak-kanak didapati merupakan pesalah di dalam sesuatu kes yang diadu, tindakan yang lebih berhemah akan diambil iaitu dengan mengarahkan mereka untuk memuat turun serta memberi nasihat atau amaran. Pendekatan penyiasat eSafety adalah sama dengan pihak polis di dalam menangani perlakuan jenayah bagi kalangan kanak-kanak iaitu dengan membuat pengalihan (*Diversion*) atau mengambil langkah alternatif dan bukan punitif.

Melalui laporan yang disediakan oleh Pusat Penyelidikan Sosial dan berdasarkan data yang dikumpul pada April dan Mei 2022 telah mendapati 45 peratus kanak-kanak melaporkan pengalaman negatif di dalam talian iaitu dipanggil dengan panggilan nama

yang menyinggung perasaan, 14 peratus kanak-kanak berusia diantara 11 sehingga 17 tahun melaporkan mereka telah diancam oleh seseorang bahawasanya mereka akan menghantar atau menyiarkan foto atau video peribadi kanak-kanak tersebut.



Sesi mesyuarat bersama kakitangan eSafety Commission yang diketuai oleh Mr. Toby Dagg

c) Lawatan ke *New South Wales Ombudsman*

Di dalam sesi perbincangan ini, delegasi telah bertemu Helen Wodak, *Deputy Ombudsman Monitoring and Review* dan Jacqueline Fredman, *Deputy Ombudsman Complaints and Resolution*. Pejabat *Ombudsman* adalah sebuah badan yang bebas dan tidak berat sebelah. Prestasi pejabat ini disemak dan diteliti oleh Jawatankuasa Parlimen. Pejabat ini terdiri daripada seorang *Ombudsman* iaitu Paul Miller dan dibantu oleh 5 orang Naib *Ombudsman* yang memegang portfolio yang berbeza.

Bahagian utama yang melibatkan kanak-kanak adalah Bahagian Pemantauan dan Semakan (*Monitoring and Review*) dan Bahagian Aduan dan Penyelesaian (*Complaints and Resolution*). Terdapat pelbagai jenis aduan yang diuruskan oleh *Ombudsman*. Bagi perkhidmatan terhadap keluarga, kanak-kanak dan orang muda, *Ombudsman* juga boleh mengendalikan aduan berkenaan perkhidmatan komuniti NSW yang dijalankan atau dibiayai oleh Kerajaan. Ini termasuk perkara-perkara berikut:

- i. Perkhidmatan perlindungan kanak-kanak dan sokongan keluarga;
- ii. perkhidmatan intervensi awal;
- iii. meninggalkan penjagaan atau selepas penjagaan;
- iv. pusat kejiwaan dan komuniti';
- v. Jabatan Komuniti dan Keadilan (DCJ) NSW; dan
- vi. penjagaan di luar rumah, termasuk jagaan angkat, jagaan persaudaraan dan penjagaan terapeutik intensif (ITC)

Peranan *Ombudsman* dalam mengendalikan aduan daripada golongan muda apabila mereka merasakan mereka telah dilayan secara tidak adil oleh agensi yang dibiayai oleh kerajaan seperti sekolah, perkhidmatan penginapan atau apa-apa agensi yang menyediakan perkhidmatan kepada golongan muda. Jika anak muda tidak berpuas hati dengan cara mereka dilayan, mereka boleh mengadu kepada *Ombudsman*. Selain itu, tahanan juvana juga boleh membuat aduan kepada *Ombudsman* sekiranya mereka dilayan secara tidak adil, lambat mendapat perkhidmatan atau keputusan tidak munasabah terhadap mereka dilakukan. Tahanan boleh membuat aduan atau menyuarakan kebimbangan mereka melalui panggilan telefon, bertulis atau secara bersemuka apabila pegawai melakukan lawatan ke pusat tahanan.



Dari kiri: Helen Wodak, *Deputy Ombudsman Monitoring and Review* dan Jacqueline Fredman, *Deputy Ombudsman Complaints and Resolution*

d) Lawatan ke *Office of Children's Guardian*

Delegasi telah bertemu Stephen Kindmond OAM, *Children's Guardian* dan Louise Coe, *Director (Child Safe Organisation)*. Pejabat ini merupakan badan bebas yang bertanggungjawab menjaga kepentingan, keselamatan dan hak kanak-kanak dan orang muda di NSW. Fungsi utama pejabat ini adalah seperti berikut:

- i. ***Working with Children Check (WWCC)*** – WWCC merupakan salah satu mekanisme untuk memastikan keterjaminan persekitaran yang selamat terhadap kanak-kanak yang perlu digunakan oleh mana-mana organisasi yang akan mengendalikan kanak-kanak. Mana-mana individu yang ingin bekerja dengan institusi atau badan yang mengendalikan kanak-kanak mesti mendapat pelepasan (*clearance*) syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh system *Children Check*;
- ii. ***Reportable Conduct Scheme*** – skim ini membolehkan mana-mana individu yang bertindak secara tidak wajar di bawah undang-undang dan peraturan yang

ada untuk diadu bagi memastikan pematuhan kepada tingkahlaku yang ditetapkan di dalam pengendalian kanak-kanak. Apabila risiko dikenalpasti maklumat boleh dikongsi ke dalam sistem *Children Check*; dan

- iii. ***Child Safe Scheme*** – skim ini menyediakan satu kerangka menyeluruh bagi pelaksanaan fungsi keselamatan bagi kanak-kanak berdasarkan cadangan yang dibuat oleh Suruhanjaya Diraja tentang tindakan institusi terhadap Penderaan Seksual Kanak-Kanak. Skim ini juga memastikan kanak-kanak selamat daripada ancaman penderaan seksual apabila berada di mana-mana institusi.

Menurut Stephen, antara isu yang dihadapi oleh mereka adalah tiada koordinasi di antara negeri-negeri walaupun mereka berdepan permasalahan dan isu yang sama. Ini adalah kerana tiada mekanisma penyelarasan antara negeri bagi isu khusus seperti keselamatan kanak-kanak.



Dari kiri: Stephen Kindmond OAM, Children's Guardian dan Louise Coe, Director (Child Safe Organisation)

e) Lawatan ke *Advocate for Young Children and Young Person (ACYP)* dan *Youth Advisory Council (YAC)*

Di ACYP, delegasi bertemu Una O'Neill, Pengarah dan Liam McGovern, Penasihat Polisi. ACYP adalah pejabat berkanun bebas yang melaporkan kepada Parlimen NSW melalui Jawatankuasa Bersama Parlimen mengenai Kanak-kanak dan Orang Muda. Pejabat ini telah ditubuhkan di bawah *Advocate for Children and Young People Act 2014*.

ACYP mewakili kanak-kanak di bawah usia 18 tahun dan orang muda di bawah usia 25 tahun. Penentuan umur di bawah 25 tahun adalah selaras dengan dapatan dari *neuroscience* yang menetapkan bahawa perkembangan otak seseorang hanya berlaku sepenuhnya pada usia di antara 20-25 tahun.

YAC pula merupakan sebahagian OACYP sejak tahun 1998 dan diteruskan di bawah peranan Advokat yang baru. YAC dianggotai oleh 12 ahli yang berusia di antara 12-24 tahun dan menetap di NSW. 12 ahli YAC tersebut menyediakan saluran komunikasi di antara golongan muda dan Kerajaan NSW. Keahlian YAC telah memberi peluang kepada kanak-kanak dan orang muda untuk menyumbang kepada gerak kerja Kerajaan NSW. Mesyuarat atau perjumpaan diadakan pada hari Ahad supaya tidak mengganggu sesi persekolahan dan membolehkan mereka yang menetap jauh untuk hadir ke sesi pertemuan. Laporan pencapaian dan gerak kerja YAC dihantar ke Parlimen dan direkodkan.



Delegasi bergambar di perkarangan pejabat ACYP

f) Lawatan ke Parlimen NSW

Delegasi telah mengadakan perbincangan bersama Jawatankuasa Kanak-kanak dan Orang Muda (*Committee of Children and Young People*) yang dipengerusikan oleh MP Helen Dalton. Jawatankuasa ini turut dianggotai oleh 6 ahli lain termasuk seorang Naib Pengerusi. Jawatankuasa ini telah ditubuhkan untuk mengawasi Peguambela bagi Kanak-Kanak dan Orang Muda, bukannya mempunyai peranan umum berhubung dengan kanak-kanak dan golongan muda. Jawatankuasa ini bertanggungjawab memantau dan menyemak prestasi advokat atau peguambela. Di samping itu, Jawatankuasa ini turut memantau, menyemak dan melaporkan pentadbiran *Children's Guardian* bagi pemeriksaan bekerja bersama kanak-kanak (WWCC)



Ahli Jawatankuasa bersama MP Helen Dalton di dalam Dewan

4.3 BAHAGIAN C: KAJIAN PERBANDINGAN DI ANTARA NEW ZEALAND DAN AUSTRALIA

a) Suruhanjaya

- i. Suruhanjaya di New Zealand adalah secara berpusat, Children and Young People's Commission (Mana Mokopuna) dan telah ditubuhkan pada 1 July 2023 menggantikan model Pesuruhjaya tunggal dengan menambah ahli Pesuruhjaya dari 1 kepada 6 orang.
- ii. Sebaliknya Suruhanjaya Australia mempunyai model institusi pengawasan kanak-kanak yang berbeza. Disebabkan struktur perlembagaan yang tidak berpusat, Pesuruhjaya Kanak-Kanak Australia ditubuhkan melalui Parlimen negeri. Kini, Australia mempunyai lebih daripada 12 Pesuruhjaya, *Ombudsman*, Penjaga, dan Peguambela bagi kanak-kanak di setiap negeri yang berbeza.

b) Pesuruhjaya Kanak-Kanak

- i. Di New Zealand, Pesuruhjaya Kanak-Kanak merupakan seorang pegawai kerajaan bebas yang mana memainkan peranan penting dalam memantau dan melaporkan keadaan kebajikan kanak-kanak di New Zealand. Pesuruhjaya ini menghasilkan laporan dan cadangan berdasarkan penyelidikan dan penyiasatan.
- ii. Manakala di Australia, Pesuruhjaya Kanak-Kanak Kebangsaan Australia ialah jawatan yang ditubuhkan di bawah Bahagian IIAA Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia persekutuan 1986. Pesuruhjaya Kanak-kanak Kebangsaan dilantik di bawah Seksyen 46MA manakala fungsi yang perlu dilaksanakan oleh Pesuruhjaya dinyatakan dalam Seksyen 46MB.

c) Fungsi Pesuruhjaya Kanak-Kanak Kebangsaan

- i. Fungsi Pesuruhjaya Kanak-Kanak Kebangsaan secara khusus adalah untuk:menggalakkan perbincangan dan kesedaran tentang perkara yang berkaitan dengan hak asasi manusia kanak-kanak di Australia;

- ii. menjalankan penyelidikan, atau program pendidikan atau lain-lain, bagi tujuan menggalakkan penghormatan terhadap hak asasi manusia kanak-kanak di Australia, dan menggalakkan kenikmatan dan pelaksanaan hak asasi manusia oleh kanak-kanak di Australia;
- iii. memeriksa perundangan persekutuan yang sedia ada dan yang dicadangkan untuk tujuan memastikan sama ada mereka mengiktiraf dan melindungi hak asasi manusia kanak-kanak di Australia, dan untuk melaporkan kepada Menteri keputusan mana-mana peperiksaan tersebut.

Australia bukan sahaja mempunyai Pesuruhjaya Kanak-Kanak Kebangsaan tetapi juga Pesuruhjaya Kanak-Kanak yang dilantik di bawah perundangan negeri di setiap negeri dan wilayahnya.

d) Kesimpulan

Melalui pemerhatian berdasarkan lawatan kerja ini, dapat disimpulkan bahawa Malaysia memerlukan Suruhanjaya Kanak-Kanak yang bebas bagi mempertahankan dan memperkasa hak kanak-kanak di Malaysia agar hak asasi mereka tidak dicabul. Jika diteliti, kanak-kanak di New Zealand dan Australia dilayan secara terhormat dan bermaruah dan mereka di beri peluang untuk bersuara bagi sesuatu keputusan yang memberi kesan kepada mereka. Namun di Malaysia, terdapat beberapa kes kanak-kanak yang disabit dengan kesalahan juvana dicabul hak asasi mereka apabila mereka tidak dibenarkan diwakili oleh peguam, kes kanak-kanak tersebut didedahkan di media sosial dan sebagainya. Bagi merealisasikan misi ini, kita tidak boleh bergantung semata-mata kepada jabatan dan agensi Kerajaan, malah ia perlu turut melibatkan pihak keluarga, komuniti dan masyarakat Malaysia secara umumnya.

Selain itu, Malaysia perlu menubuhkan *Ombudsman* bagi memudahkan rakyat untuk menyalurkan aduan dengan mudah tanpa melalui karenah birokrasi selain meningkatkan kecekapan pentadbiran di semua jabatan dan agensi Kerajaan. Dengan penubuhan *Ombudsman*, melalui undang-undang itu, ia boleh mendengar dan menyiasat aduan kes-kes penyelewengan dengan lebih telus dan tepat.

Wakil-wakil jabatan dan agensi Kerajaan di New Zealand dan Australia menyokong penuh usaha Malaysia untuk menubuhkan Suruhanjaya Kanak-Kanak yang bebas dan penubuhan *Ombudsman* di Malaysia.

e) Penghargaan


Delegasi Parlimen Malaysia mengucapkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Suruhanjaya Tinggi Malaysia di New Zealand, Tuan Yang Terutama Puan Mazita Marzuki, malawakil di Wellington Puan Marini Izayu Salleh serta rakan sejawat Encik Roslan, dan tidak lupa juga malawakil di Australia, Encik Hamzah Muhammad Samsuddin dan rakan sekerja yang menyambut ketibaan delegasi semasa di lapangan terbang. Bersama-sama ini, dilampirkan gambar-gambar sekitar perjumpaan delegasi bersama Duta Malaysia di Wellington, New Zealand.



Parlimen Malaysia telah mengatur sesi "meet and greet" bersama diaspora dan pelajar di New Zealand. YB Ampang telah menyampaikan sedikit ucapan selaku ketua delegasi



Delegasi bersama Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di New Zealand, diaspora dan pelajar-pelajar Malaysia menyambut ambang kemerdekaan dengan menyanyikan lagu Tanggal 31





YB Ampang selaku ketua delegasi menurunkan tandatangan di dalam buku tetamu di Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia



MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

LAPORAN PROSIDING

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
WANITA, KANAK-KANAK DAN
PEMBANGUNAN MASYARAKAT

1. TAKLIMAT BERKENAAN STATUS TERKINI DAN HALA TUJU JABATAN PEMBANGUNAN KANAK-KANAK OLEH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KANAK-KANAK DAN MASYARAKAT
 2. TAKLIMAT BERKENAAN STATUS TERKINI DAN HALA TUJU PEJABAT PESURUHJAYA KANAK-KANAK DAN PROJEK RINTIS "*DIVERSION*" OLEH PEJABAT PESURUHJAYA KANAK-KANAK
-

BIL. 12

KHAMIS, 2 NOVEMBER 2023

PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KELIMA BELAS

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
WANITA, KANAK-KANAK DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
BIL. 12 TAHUN 2023**

**BILIK JAWATANKUASA 2, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA**

KHAMIS, 2 NOVEMBER 2023

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Puan Yeo Bee Yin [Puchong] *- Pengerusi*
YB. Puan Syerleena binti Abdul Rashid [Bukit Bendera]
YB. Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [Batang Lepar]
YB. Puan Hajah Rodziah binti Ismail [Ampang]
YB. Dato' Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]
YB. Dato' Mumtaz binti Md Nawawi [Tumpat]
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]

Tidak Hadir

YB. Datuk Wetrom bin Bahanda [Kota Marudu]
YB. Datuk Suhaimi bin Nasir [Libaran]

URUS SETIA

Encik Mohd Sukri bin Busro [Ketua Penolong Setiausaha, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Puan Rozana binti Abdullah [Pegawai Penyelidik, Seksyen Sosial dan Pembangunan Sumber Manusia (Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan), Parlimen Malaysia]
Dr. Dina Miza binti Suhaimi [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Puan Nur Farah binti Dzulkiffli [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Ex officio

YBrs. Puan Ramona binti Mohd Razali [Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik), Kementerian Belia dan Sukan]
YBrs. Tuan Chua Choon Hwa [Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat]
Cik Nazlinda binti Zamani [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Perancangan Strategik), Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah]
YBrs. Tuan Zulkifli bin Hashim [Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)]
YBrs. Dr. Farah Nini binti Dusuki [Pesuruhjaya Kanak-kanak (CC), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM)]
Puan Izyan Hazwani binti Ahmad [Ketua Penolong Setiausaha, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM)]

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)

Puan Fatimah Zuraidah binti Haji Salleh [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Kolaborasi Strategik)]

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

YBrs. Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain [Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)]

YBrs. Dr. Sopian bin Hj. Brahim [Pengarah]

Puan Misah binti Mamat [Ketua Penolong Pengarah]

Puan Sharifah Hafizah binti Saad Hassan [Penolong Pengarah Kanan]

Puan Wan Nor'ain binti Wan Mohd Salleh [Penolong Setiausaha]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS WANITA, KANAK-KANAK DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT BIL. 12 TAHUN 2023

BILIK JAWATANKUASA 2, BLOK UTAMA BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

KHAMIS, 2 NOVEMBER 2023

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.52 petang

*[Yang Berhormat Puan Hajah Rodziah binti Ismail
mempengerusikan Mesyuarat]*

Puan Hajah Rodziah binti Ismail [Ampang]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen dan juga ahli-ahli jawatankuasa dan jemputan. Saya ambil alih sekejap sebab Pengerusi belum sampai lagi tetapi kita dah cukup kuorum. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada semua yang hadir. Hari ini kita ada tiga pembentanganlah. Dua perkara besar. Pertama, tentang hala tuju kanak-kanak yang akan dibentang oleh JKM. Yang keduanya, kita ada jemputan daripada OCC. Saya harapkan beberapa perkara yang perlu kita laksanakan dalam masa 40 minitlah *insya-Allah*, kita nak tengok hala tuju JKM.

Tetapi sedikit *briefing*, beberapa ahli jawatankuasa hari itu telah pun dapat, ada kesempatan pergi ke New Zealand dan juga Sydney untuk melihat *best practices* yang mereka ada. Ini berkaitan dengan bagaimana kita nak buat *establishment of Children's Commissioner* ataupun isu-isu berkaitan dengan *children and young persons*-lah ya, *young people*, dalam menangani masalah kebajikan, fasal pembangunan masyarakat.

Jadi untuk itu saya – saya rasa semua kenal ahli mesyuarat? Kenal, *kan?* Berapa kali dah datang, *kan?* Jadi, kalau siapa yang akan bercakap kita mohon supaya tekan *mic* ini supaya semuanya akan direkodkan, akan menjadi *Hansard*-lah. Kalau tak tekan itu kalau nak *off-record* untuk beri maklumat yang tidak didaftarkan di dalam *Hansard*, boleh tak gunakan *mic*-lah, untuk pengetahuan ahli jawatankuasa.

Kita ada – kita mulakan pembentangan, lepas itu Yang Berhormat kalau ada yang nak bertanya, ahli-ahli jawatankuasa nak bertanya, silakan. Kita beri masa 10 minit untuk pertanyaan nanti. Okey, silakan.

Dr. Farah Nini binti Dusuki [Pesuruhjaya Kanak-kanak (CC), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia]: Terima kasih YB. *I'll try to be as brief as possible.* Jadi, saya akan membuat dua pembentangan. Jadi, yang pertama adalah hala tuju OCC dan yang kedua adalah program rintis *Diversion* bagi kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang. Bagi program rintis *Diversion*, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada KPWKM kerana memberi keizinan kepada saya kerana hasil kajian ini sebenarnya adalah milik KPWKM. *Okay, next slide. Next slide. I tak – siapa jaga slaid? Sorry.* Terus ke slaid ketiga ya. *Okay never mind-lah, while waiting for the slides, I can explain.*

Jadi, status terkini untuk OCC ya, selaras dengan pengumuman Perdana Menteri ke-10 pada 18 Januari 2023, bahawa kerajaan komited untuk menubuhkan Suruhanjaya Kanak-kanak sebagai badan bebas yang dapat memelihara, memperkasa dan memantau hak kanak-kanak di Malaysia, usaha berhubung yang sama telah digerakkan sejurus pelantikan saya sendiri, Dr. Farah Nini Dusuki pada 10 Mac 2023 yang surat pelantikannya berkuat kuasa dari 8 Mac 2023.

Tuan Pengerusi: Pihak JKM sudah boleh – saya ingat boleh gerak.

[Wakil-wakil daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat meninggalkan bilik mesyuarat]

Dr. Farah Nini binti Dusuki: Okey. Jadi, ini adalah perkembangan penubuhan OCC daripada bulan Mac sehingga September 2023 tahun ini ya.

■1620

Jadi kami telah melaksanakan pertama, kajian perbandingan dengan negara luar. Negara-negara luar yang telah menubuhkan OCC masing-masing-masing termasuk juga meneliti akta yang telah diluluskan di negara tersebut. *So*, antaranya adalah India, Indonesia, United Kingdom, Belgium, New Zealand, Australia, Jersey, Malta, Western Cape and Ireland. *Actually, they amount to about 41 countries* ya.

Kedua, kami juga telah merangka pertimbangan dasar dan parameter bagi penubuhan SKK Malaysia, mengadakan enam sesi libat urus bersama agensi kerajaan dan bukan kerajaan bagi mendapatkan maklum balas tentang cadangan dasar penubuhan Suruhanjaya Kanak-kanak.

Next, menetapkan sebanyak sembilan cadangan pertimbangan dasar dalam kertas Memorandum Jemaah Menteri (MJM).

Seterusnya merangka draf Rang Undang-undang Suruhanjaya Kanak-kanak Malaysia berdasarkan hasil libat urus yang dibuat.

Keenam – *sorry, typo there*. Mengadakan satu lawatan sambil belajar ke New Zealand dan Australia bersama Jawatankuasa Pilihan Khas bagi Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Masyarakat dan BHEUU bagi melihat sistem pembangunan kanak-kanak serta mekanisme Suruhanjaya Kanak-kanak dan yang setaraf dengannya di kedua-dua buah negara. Kerana di sesetengah tempat, namanya bukan Suruhanjaya Kanak-kanak tetapi namanya adalah berbeza. Ada yang dipanggil *Advocate for Children and Young People*, ada yang dipanggil *Ombudsman for Children* dan sebagainya.

Namun begitu, pada 16 September 2023 apabila Yang Berhormat Menteri Azalina membentangkan Memorandum Jemaah Menteri berkenaan dengan penubuhan OCC secara bebas, Mesyuarat Jemaah Menteri telah memutuskan bahawa cadangan penubuhan Suruhanjaya Kanak-kanak ditangguh bagi dikaji lebih lanjut. Jadi memastikan kewujudan OCC kekal secara rasmi, untuk pengetahuan ahli jawatankuasa, kewujudan kami sekarang ini hanyalah di atas sebuah Kertas Kabinet. Jadi dipersetujui antara OCC, BHEUU dan AGC bagi OCC diperkasakan di bawah Akta SUHAKAM yang sekarang sedang dipinda.

Jadi, beberapa siri perbincangan telah dibuat yang memperlihatkan mandat OCC menjadi semakin terhad berbanding dengan cadangan asal berikutan keperluan untuk memastikan pindaan Akta SUHAKAM tetap dapat berlangsung pada November 2023.

Next, maka OCC bersetuju dengan syarat dasar-dasar berikut dipenuhi. *So, these were our minimum request* daripada pihak-pihak yang berkenaan.

Pertama, pelantikan tambahan Pesuruhjaya Kanak-kanak iaitu sekurang-kurangnya tiga Pesuruhjaya Kanak-kanak sepenuh masa. Frasa “sepenuh masa” ini sangat penting kerana buat masa ini, Pesuruhjaya SUHAKAM, kesemua sembilan adalah bekerja separuh masa. Kerana mungkin hasrat penubuhan pada tahun 19–dulu adalah mereka merupakan bekas-bekas pegawai kerajaan, GLC dan sebagainya. Tetapi *as time progresses, few of us in the commission are actually full-time working. Like myself, an academic at Universiti Malaya*. Jadi, hasrat kami seorang boleh ditempatkan di pejabat SUHAKAM KL, seorang di pejabat SUHAKAM Sabah dan seorang di pejabat SUHAKAM Sarawak.

Kedua, pelantikan tambahan kakitangan. Kami memohon juga sekurang-kurangnya 20 kakitangan tambahan untuk menangani isu 9.13 juta kanak-kanak di Malaysia.

Tuan Pengerusi: *Full time ya?*

Dr. Farah Nini binti Dusuki: *ya?*

Tuan Pengerusi: *Full time?*

Dr. Farah Nini binti Dusuki: *Full time. These are the staff. Currently, we work on five...*

Tuan Pengerusi: *No, no, no. Your dasar – syarat. You...*

Dr. Farah Nini binti Dusuki: *Yes.*

Tuan Pengerusi: *You mean you want full time-lah?*

Dr. Farah Nini binti Dusuki: *Yes, dan data ini adalah yang terkini. Baru diperolehi semalam daripada DOSM.*

Ketiga, pembiayaan yang mencukupi iaitu kira-kira RM3.1 juta sebagai permulaan. At the moment, the office is operating at RM650,000 yearly.

Keempat, memperkasa hak kanak-kanak kepada penyertaan iaitu dengan mewujudkan peruntukkan khusus yang sebelum ini belum ada dalam Akta SUHAKAM mengenai hak kanak-kanak kepada penyertaan dan hak kanak-kanak untuk berkomunikasi secara langsung dengan Pesuruhjaya Kanak-kanak. Sebenarnya, this has already been going on. We just want to formalise it in the statute.

Tuan Pengerusi: *Dr. Farah, I think you have to actually do a table to tell people – to all the jurisdictions. Let's say for example, in New Zealand.*

Dr. Farah Nini binti Dusuki: *Yes, we have.*

Tuan Pengerusi: *New Zealand, the population how many, how many pesuruhjaya kanak-kanak they have? Where is the suruhanjaya kanak-kanak, how many staff. Australia, the population. So, then you have a comparison there, why you ask what you are asking.*

Dr. Farah Nini binti Dusuki: *Okay, thank you very much YB. We already have all that data, especially from the visit as well.*

Tuan Pengerusi: *Can you give, put it in because I want to put in...*

Dr. Farah Nini binti Dusuki: *Put in the penyata?*

Tuan Pengerusi: *Yes.*

Dato' Mumtaz binti Md Nawi: *YB Pengerusi, semalam saya jumpa dengan Speaker. Actually, dapatan daripada lawatan, sepatutnya dibentangkan di sini dan kita adopt dan kita akan diminta untuk bentangkan juga di dalam Parlimen.*

So, Speaker is asking untuk dapatkan semua dapatan itu supaya orang lain juga aware. So, dia minta supaya dibawa ke mesyuarat JKPK and from JKPK, kita akan buat buku macam laporan biasa dan diletakkan di meja-meja Ahli Parlimen. So, itu permohonan daripada Speaker semalam. Sebab dia tak dapat dia punya outcome daripada apa yang visit dapat sebab – it is very good.

Puan Hajah Rodziah binti Ismail: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Bukan kita dah hantar?

Dato' Mumtaz binti Md Nawi: Kita dah hantar tetapi tak dibawa ke JKPK.

Tuan Pengerusi: *Actually, we go according to – put in the penyata. Put in the penyata, on OCC-lah.*

Dato' Mumtaz binti Md Nawi: So, sekarang minit pada hari inilah? So, kita minit pada hari ini.

Tuan Pengerusi: Minit hari ini. So, kita semua – itu penyata untuk OCC-lah. Lawatan *plus* hari ini apa yang kita bincang.

Dato' Mumtaz binti Md Nawi: *And also because I also went to Jakarta for the WPS and also for women leadership. I also would like to endorse* sinilah dalam JKPK. Kita akan hantar juga laporan itu supaya juga dapat dimasukkan dalam laporan.

Tuan Pengerusi: Yang itu YB Ampang juga pergi?

Dato' Mumtaz binti Md Nawi: Ya, Ampang pergi juga.

Tuan Pengerusi: Okeylah. Boleh juga masuk.

Dato' Mumtaz binti Md Nawi: So, kita masukkanlah.

Tuan Pengerusi: Tetapi yang itu bukan tajuk ini?

Puan Hajah Rodziah binti Ismail: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Itu *timeline*...

Dato' Mumtaz binti Md Nawi: Tetapi berkaitan dengan JKPK Wanita juga.

Puan Hajah Rodziah binti Ismail: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi: *Women in politics. But penyata have to be going according to the issue.*

Dato' Mumtaz binti Md Nawi: Tetapi tetap masuk dalam JKPK-lah maksudnya *gitu*.

Tuan Pengerusi: *Okay, okay. Can be in and recorded by JKPK* tetapi sebab penyata lawatan itu boleh dijadikan satu.

Dato' Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Pengerusi, selain daripada penyata dalam Dewan, kita tak ada kenyataan mediakah tentang apa-apa benda ini? Maknanya kita perlu juga. Sebab banyak benda yang *public* perlu tahu juga apa yang kita buat sebenarnya.

Tuan Pengerusi: Okey. Apa yang – so, isu mana yang kita nak buat untuk kenyataan media sebab saya pun *think about it*. Yang ada banyak isu, *for example*, kalau *HPV vaccination*. Kita cakap kerajaan perlu buat ini, ini, ini. Akan buat ini, ini, ini. *Then people ask me for, "Hey, you're responsible". Ask me to be responsible.* Susah. *That's why PAC is easier in a way.* Okey, PAC mendapat *finding bla, bla, bla*.

Ours is we asked KKM apa yang KKM buat untuk vaccination, everything. But we cannot go out and say KKM akan buat yang ini. Tak boleh.

So, unless you say, okay – unless you say okay, all of us want to support OCC and then government don't want to go for OCC. Then, we go, okay. Then, we go out and say we are going to support this. Give more this. So, it depends on the issue. Kita belum dapat lagi satu isu yang kita boleh keluar dan membuat pendirian sebagai JKPK-lah.

For example, I think the economy JKPK also, they never go out because economy JKPK also asks about a lot of things, about what is going on, this, what is going on. You only can listen. Because you cannot jawab one. So, we do not have an issue yet. Kalau kita ada isu, kita boleh buat. Kalau ada apa-apa, YB kata rasa kita perlu go out as a JKPK untuk buat kenyataan media, kita boleh buatlah, bergantung kepada isulah.

Puan Hajah Rodziah binti Ismail: YB Pengerusi, saya rasa isu kanak-kanak ini, saya nampak daripada JKM tadi itu dengan mungkin OCC juga. Kita nampak kerajaan punya niat itu okey. Tetapi kita nampak dalam konteks pelaksanaan itu, perlu ada satu – nak sebut apa ya?

Dato' Mumtaz binti Md Nawi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Input, input.*

Dr. Farah Nini binti Dusuki: *Priority.*

Puan Hajah Rodziah binti Ismail: Bukan input. Perlu ada *priority*. *Yes, the word is priority* dan kita menampakkan tiga tahun itu agak lama kalau kita katakan. Itu pun baru JBKK. Bukan lagi isu penubuhan. *The total system to make sure issue* kanak-kanak dapat dilaksanakan dengan baik. So, kita mencadangkan supaya kerajaan memberikan, nak cakap *priority* ataupun memberikan...

Dr. Farah Nini binti Dusuki: Penekananlah.

Puan Hajah Rodziah binti Ismail: Meletakkan supaya isu kanak-kanak ini juga menjadi satu keutamaan di dalam masa depan generasi akan datang. *Something like that-lah. So, kita cakap secara umum tetapi we give some message* kepada kerajaan supaya kita *concern*, benda ini kena ditangani dengan lebih baik.

Dato' Mumtaz binti Md Nawi: Kita punya *views* macam PAC-lah. PAC cakap *something*, ada *impact* kepada kerajaan. So, kita pun dah *meeting* banyak, kita dapat – so, *I think* memang...

Puan Hajah Rodziah binti Ismail: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Farah Nini binti Dusuki: YB Pengerusi, *if I may share. Saya rasa based on what I listened to just now as well. Sebenarnya negara-negara seperti New Zealand dan Australia willing to put in so much money and invest in children because that will protect them from future problems. So for example, 1989, New Zealand established Children's Commission, the first time. From there, five years after the Children's Commission pushed for the Ministry for Children. The budget is huge.*

■1630

It's more than 50 million for New Zealand yang orang dia hanya lima juta. Kita kanak-kanak alone is 9.13, you see. So, the priority is somehow so different. When you have that kind of stance, every agency also will be different. Police for example, YB yang ikut bersama hari itu kita pergi tengok, they have got a youth aid within the police.

So, meaning to say, every police department, police station akan ada specialised police officers dealing with children. So, katakanlah dia buat salah, they will go to the home. So, in other words, that's why JKM dia tak penat sangat. Because it's the police yang do this work and its more impactful. But that is because investment has been made from the very beginning. Tapi, if the government is not willing to first put the investment into children and still feel like children are only sidelines, then we will not be moving anywhere.

Dato' Mumtaz binti Md Nawi: Dia kajian yang dibuat di Amerika untuk *Smart Start*, RM1 yang dibelanjakan hari ini, kalau tak dibelanjakan, dia akan kita rugi RM18 later. Ha, susah nak imbang...

Tuan Pengerusi: *Understand. The whole thing is that is not that they are not putting money. Government is putting a lot of money in MOE. It is a lot of money. So, we cannot be saying that we – government not putting money. It's that how can we think that okay, it's not only education. It's other things of the development.*

Dr. Farah Nini binti Dusuki: Yes.

Tuan Pengerusi: *Other things of development also need money. Actually, Malaysia by GDP, percentage of GDP, we spent a lot on education compared to other by percentage. So that means, we are spending on our younger generations. How effectively we spent and all this – it is unfair to say we don't spend money.*

Dr. Farah Nini binti Dusuki: *It's not that we don't spend. It's about looking at children holistically.*

Tuan Pengerusi: *It is a distribution of resources...*

Dr. Farah Nini binti Dusuki: Yes. Ya.

Tuan Pengerusi: *...that – why only on education and not on pemeliharaan. Where I always feel that Malaysia can do a lot better if we can actually use our money, current money well.*

Dr. Farah Nini binti Dusuki: *Yes.*

Tuan Pengerusi: *We don't need an increase of...*

Dr. Farah Nini binti Dusuki: *Extra.*

Tuan Pengerusi: *Extra.*

Dr. Farah Nini binti Dusuki: *Yes. I agree. I totally agree.*

Tuan Pengerusi: *Our problem is we spent money very badly.*

Puan Syerleena binti Abdul Rashid [Bukit Bendera]: YB Pengerusi, saya nak tambah sikit mengenai isu yang kita sedang bercakaplah, bincang. *Gender-responsive budgeting*; duit itu memang dah ada, *allocated*. *But it just feels like it's not being channelled efficiently. So, maybe this is also one issue* di mana kita boleh – macam tadilah, YB Puan Pengerusi telah menyatakan mengenai satu isu di mana JKPK ini boleh *highlight* iaitu *gender-responsive budgeting*. *I mean, we see how money should be given to invest in the future, in the future of our children*, tapi tak tersampai. Jadi, inilah boleh, mungkin boleh kita pertimbangkan dalam *committee*.

Tuan Chua Choon Hwa: *Sorry YB, I'm interested* dengan apa YB Syerleena cakap punya topik ini *because* YB Mumtaz pun baru bangkit dalam apa – Parlimen. *Gender-responsive budgeting* dengan *gender* apa – *focal point* punya *issues* itu dah banyak kali kita bangkitkan. Macam sekarang ini WPS (*Women, Peace and Security*) *kan?* Semua akan nampak Kementerian Wanita kena buat, *kan?* *But, when we talk about women in peace and security, we actually expect that relevant* kementerian, dia kena *take up that responsibility*. Tapi *kan, to create that kind of awareness* itu dia susah sebab balik-balik dia akan balik kepada Kementerian Wanitalah.

Puan Syerleena binti Abdul Rashid: *The problem is* bila mereka dengar saja perkataan “*gender*”, terus ingat kata, “*Okey, ini wanita*”. Walhal, *gender* merangkumi pelbagai *and...*

Dr. Farah Nini binti Dusuki: Ya, semua. Betul.

Puan Syerleena binti Abdul Rashid: *It's not just women, but also OKU* dan pelbagai lagi. Tapi, itulah.

Dr. Farah Nini binti Dusuki: Itulah. *So, if I may quickly proceed. Next slide.* Jadi, dua perkembangan penting terkini tentang status OCC adalah kita mengharapkan dari segi perundangan, pindaan kepada akta SUHAKAM tentang kewujudan peruntukan Pesuruhjaya Kanak-kanak dibentangkan dan diluluskan di Parlimen. Esok ia akan dibawa ke Kabinet dan akhir bulan ini, ia akan dibentangkan di Parlimen. *So, that is where* kami amat berharap para YB, *MPs* akan memberi

sokonganlah kepada pindaan. *Provided it gets passed tomorrow, insya-Allah.* Satu lagi *will be the* dana yang dicadangkan sebanyak RM3.1 juta sebagai permulaan mendapatkan kelulusan Kementerian Kewangan.

Next adalah cadangan struktur organisasi OCC di SUHAKAM. *So, this has been questions thrown to us, where will the OCC...*

Tuan Pengerusi: *Actually, come to think of the* kenyataan media, kita boleh sebelum pembentangan pindaan, kita boleh buat sidang media untuk kata kita sokong...

Dr. Farah Nini binti Dusuki: *Yes. Thank you very much.*

Tuan Pengerusi: Sokong pindaan akta itu, tersebut. *So, kita sudah ada penyata. So, bila dia akan bentang?*

Dr. Farah Nini binti Dusuki: *Esok ke Kabinet...*

Tuan Pengerusi: *Cabinet no need. During...*

Dr. Farah Nini binti Dusuki: *Not, I mean usually it's three weeks after* kalau tak silap saya. Ya.

Tuan Pengerusi: *Three – oh, so it's this...*

Dr. Farah Nini binti Dusuki: *This 27th will be – I will be giving the* taklimat to MPs, 27th, 27 November...

Tuan Pengerusi: *Oh, in time-kah? [Disampuk] This session?*

Dr. Farah Nini binti Dusuki: *Ya. This session.*

Tuan Pengerusi: *Oh, okay, okay. So...*

Dr. Farah Nini binti Dusuki: 27 November adalah taklimat kepada MPs. *This is what office* YB Azalina arahkan kepada kami. *So, I suspect that 28th-lah* akan dibawa ke...

Tuan Pengerusi: *So, boleh tak kita sempat lagi buat penyata? Boleh ya Dr. Dina? Kita buat penyata yang ringkaslah. Ringkas, lepas itu kita summarise in one* kenyataan media, *one page.* Lepas itu kita pergi – apabila dia sudah bentang *as in on table only...*

Dr. Farah Nini binti Dusuki: *28th.*

Tuan Pengerusi: *Then, we already go and support already. Then only voting.*

Puan Hajah Rodziah binti Ismail: *I think YB, kalau kita nak support, I think the best words that we use* kalau kita bagi tumpuan kepada isu penubuhan kanak-kanak, isu berkaitan kanak-kanak dengan penubuhannya, Jabatan Kanak-Kanak, OCC dan sebagainya, *it's a game changer.*

Dr. Farah Nini binti Dusuki: *Yes.*

Puan Hajah Rodziah binti Ismail: *It's a game changer to make the future generations.* Satu. Yang keduanya, memudahkan *a support system for women to*

come back untuk memastikan ekonomi bertambah baik dan sebagainya. Tapi, macam mana *we drafted the* penyata, kena bincanglah.

Tuan Pengerusi: Kita ada tiga minggu untuk buatlah.

Puan Hajah Rodziah binti Ismail: Kita *cover* sekali GRB.

Dr. Farah Nini binti Dusuki: Ya. *So*, ini adalah *basic structure*. *So, Chairman of SUHAKAM will still be the chairman. There will be a deputy chairman* dan di bawah *chairman* akan ada *Chief Children's Commissioner* dan dibantu oleh dua *Children's Commissioners*. *So, this is very basic-lah*.

So, next slide. Hala tuju Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak. Ada dua fokus utama. Di belah kiri adalah pemeraksanaan hak kanak-kanak. *So*, ada tiga usaha yang kami ingin fokuskan iaitu pertama adalah pemetaan. Seperti yang dibawa oleh para YB sebentar tadi juga, banyak agensi, CSOs yang *doing a lot of good work and offering a lot of services. Sometimes, these services are overlapping. So, we want to do a mapping exercise, so that we can identify and uar-uarkan and also* kalau *practices* yang bagus; contohnya *Women's Centre for Change in Penang is doing a very good job with a child abuse and neglect. So, why don't we replicate to the other states, for example? So, tak ada lah you know, some states get the benefit, some states tak dapat dan sebagainya. Also, mapping of services such as* di bawah Akta Kanak-kanak, kita ada dua pasukan. Satu Pasukan Pelindungan Kanak-kanak, satu Pasukan Kebajikan Kanak-kanak. *So, kalau kedua pasukan ini boleh digerakkan di bawah ADUN masing-masing ya and you know, with the fundings shared and all that, I believe that this can actually support our Jabatan Pembangunan Kanak-kanak. I also believe in working with what we have now, so that is why this mapping exercise is very, very important.*

Secondly is to mempromosi hak kanak-kanak dan literasi undang-undang. *Why I say literasi undang-undang is because what I cited in my PhD in 2002, I am still saying them in 2023. Same problems still recurring because people tak ada literasi undang-undang sedangkan undang-undang kita sangat komprehensif. So, this would be the second target.*

The third one is to menginstitusi latihan kemahiran hak kanak-kanak di kalangan pemegang taruh. *Most of our professionals treat our children like they treat adults. This should not be the case. At the moment, only doctors have got special training because pediatrics is part of the core curriculum and also pediatrics is also part of housemanship. Tetapi bagi kami di undang-undang for example, only in law faculty ada Child Law because I am there. In UKM, ada Master's – ada subjek untuk Child Law because Prof. Aziah is there. Tapi you see, it's not at every law school. So, that's why it's very important to show that, you know, the knowledge on children's*

rights is pertinent for everybody. So, that's why we also must incorporate for example, kursus pra-perkahwinan, you know, to masukkan literasi undang-undang tentang hak kanak-kanak dan sebagainya.

So, we have to go at all prongs, you know. Kalau YB Mumtaz kata daripada kurikulum, yes, exactly true. That one comes under the second one, mempromosi hak kanak-kanak. It has to be everywhere you know. Rights of children must be seen everywhere, barulah semua orang sedar akan kanak-kanak ini is not just objects of concern, but they are people with their own rights.

In terms of thematic issues, the highlighted ones will be our priority. Pertama, penderaan dan pengabaian kanak-kanak. Because you know, we see cases on almost weekly basis now. Kedua adalah keselamatan kanak-kanak di jalan raya. Sadly, in Malaysia, as early as seven years old are riding motorcycles. Because of this, we lose about 5,000 nyawa antara tujuh tahun hingga 15 tahun pemandu motorcycles. Bukan pillion rider pun because they are cyclist. So, that's why we have identified that we need to work with YB Anthony Loke. He is aware of this, you know.

■1640

We have to improve this at all levels and with PDRM as well. Penguatkuasaan undang-undang has to be strict. Macam mana kita boleh allow parents beli motosikal untuk kanak-kanak yang kaki pun tidak sampai lagi nak tahan motorcycle tersebut ya.

Dato' Mumtaz binti Md Naw: Itu masalah kemudahan awam, pengangkutan tidak cantik.

Dr. Farah Nini binti Dusuki: Betul, yes.

Dato' Mumtaz binti Md Naw: Kalau ada kemudahan orang tak naik motor.

Dr. Farah Nini binti Dusuki: Betul, tetapi kita kena kurangkanlah. *We cannot – in a away, we cannot eliminate it entirely because dekat Sabah dan Sarawak motorcycle ini memang keperluan. Kalau tak, tak pergi sekolah. But maybe we can have better rules. Maybe motorcycle yang berkuasa rendah contohnya. You know, not the normal big bikes ya. Ya.*

And satu lagi, adalah keganasan di institusi pendidikan. This is getting more rampant. Bullying, corporal punishment, violence sesama – gangsterism because of data on this memang dah cukup. Cuma what are we doing about it?

So, that's why these three are our thematic issues yang berfokus, yang kami ingin fokuslah kalau in terms of issues. Of course, we have other issues but those are our priorities at the moment.

So, apakah perancangan SUHAKAM untuk memastikan keberkesanan tadbir urus dan *business model*? Ini semua *based on the Paris Principles*, memang kerajaan perlu membiayailah *because we cannot get money simply from anybody. Otherwise, we are not seem to be independent. Okay, that's all for penubuhan OCC. Can I proceed to projek rintis Diversion since we know our direction for OCC? Insya-Allah*, akan ada penyata dan JKPK akan *support* penubuhan perundangan ya.

So, kalau saya boleh teruskan dengan pembentangan kedua adalah projek rintis *Diversion* bagi kanak-kanak...

Tuan Pengerusi: Dr. Farah.

Dr. Farah Nini binti Dusuki: Yes?

Tuan Pengerusi: Kalau boleh *you work with Dr. Dina...*

Dr. Farah Nini binti Dusuki: Boleh.

Tuan Pengerusi: *...on how you want to put the penyatalah.*

Dr. Farah Nini binti Dusuki: Boleh, *insya-Allah.*

Tuan Pengerusi: *So, that is easier for us. Our rumusan is kita sokong.*

[Ketawa] So, rumusanlah.

Dr. Farah Nini binti Dusuki: *Okay. So, no objection ya?*

Tuan Pengerusi: *No objection, no objection.*

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.26 petang]
